



16 APR, 2025

TNB REMACO meterai kontrak RM705 juta

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB), menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO), memperkukuh kedudukannya di peringkat antarabangsa dengan menandatangani kontrak tujuh tahun bersama Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu (MEWRE) Kuwait. Menerusi kontrak baharu yang bernilai kira-kira RM705 juta itu, TNB REMACO bersama rakan kongsi dari Kuwait, AL DHOW Engineering memberi tumpuan kepada kerja

TNB REMACO meterai kontrak RM705 juta



PENGURUSAN kanan TNB REMACO dan AL DHOW Engineering Kuwait pada pemeteraian kerjasama kontrak selama 7 tahun. penyenggaraan, pembai- kan dan baik pulih menye- luruh (MRO) bagi Loji Jana Kuasa dan Penyulingan Air Sabiya. Terletak 65 kilometer da- ri Kuwait, loji dengan empat unit jana kuasa minyak

dan gas berkapasiti kese- luruhan 299.4 megawatt (MW) itu memainkan pe- ranan penting dalam in- frastruktur tenaga negara berkenaan. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata perjanjian itu mencerminkan keyaki- nan MEWRE terhadap usa- ha sama TNB REMACO-AL DHOW untuk menyediakan penyelesaian tenaga yang berkualiti tinggi dan mam- pan, bagi menyokong per-

mintaan tenaga yang se- makin meningkat di Kuwait. Beliau berkata, kontrak itu sejajar dengan misi TNB untuk menjadi penyedia penyelesaian tenaga mam- pan yang terkemuka, bukan saja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. "Selain Kuwait, kami tu- rut mengembangkan sayap ke United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Pakistan dan Kemboja," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau turut menekankan komitmen TNB dalam men- nyokong sektor tenaga di Kuwait sambil mengem- bangkan portfolio antara- bangsa. Katanya, kerjasama itu bukan saja mengukuhkan kepakaran teknikalnya, malah turut mempererat- kan hubungan ekonomi an- tara Malaysia dan Kuwait. Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) dan Penge- rusi TNB REMACO, Datuk Ir Muhamad Nazri Pazil pu- la menekankan kehadiran kukuh TNB REMACO di Kuwait.